

Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa Ke-13

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

TEMA BULANAN:

AKU MENJADI SEGALANYA DI DALAM KRISTUS

Mencari Pengharapan di dalam Situasi Maut

Pada hari ini, buku Kebijaksanaan 1:13 memetik, *"Memang maut tidak dibuat oleh Allah, dan lapun tak bergembira karena yang hidup musnah lenyap."*

Petikan ini menggambarkan pengharapan meskipun berada di dalam situasi maut dan mengerikan, kerana kehidupan manusia seringkali berakhir di dalam keadaan yang menyedihkan.

Ini adalah kisah bagaimana seseorang yang amat berharap pada sebuah pengharapan. Jenny (bukan nama sebenar) telah disahkan



Dia yang tetap penuh kelembutan biarpun didalam kesakitan, dan yang tetap tenang meskipun mengerjakan pelbagai urusan yang merunsingkan, ianya hampir sempurna.

- Santo Fransiskus dari Sales

menghidapi kanser uterus sejak tiga tahun lepas. Beliau bernekad kuat untuk berjuang melawan penyakitnya, dia mengharungi dua kitaran rawatan kimoterapi dan beberapa kali radioterapi. Akan tetapi, kanser yang dihidapi semakin agresif dan akhirnya Jenny disarankan untuk melalui pembedahan besar bagi membuang kanser yang kini telah merebak ke saraf dan menyebabkan dia menanggung kesakitan yang tidak terperi.

Adakah Jenny pernah terfikir untuk berputus asa? Ya, beberapa kali kerana tubuh fizikalnya yang sudah tidak larat untuk menanggung kanser tersebut. Namun jauh di sudut hatinya, dia tetap menaruh harapan. Dia mempunyai alasan untuk terus berjuang; dia berharap untuk menyaksikan dua anak lelakinya membesar dan berkahwin; dia mahu mengendong cucu-cucu yang bakal dilahirkan; dia mahu meluangkan dan menikmati saat-saat indah bersama suaminya. Kesaksian yang telah dikongsikan oleh Jenny telah menyentuh ramai orang.

Pada setiap saat kegelapan yang dilaluinya, Jenny sering berdoa berpandukan Mazmur dan dia menghafal hampir kesemuanya. Jenny akan mengambil petikan Mazmur dan berdoa, *"Aku memuji Engkau, Ya Tuhan, kerana Engkau telah menyelamatkan aku."* Dia tidak membenarkan ketakutan akan maut mengakibatkan dia menyingkirkan Tuhan di dalam hidupnya. Pada hari-hari ketika kesihatannya semakin merosot, Jenny berdoa, *"Ya Tuhan, kasihanilah aku, ya Tuhanku, jadilah penolongku."* Dia mencontohi sifat rasul PENGHARAPAN.

Sebagai rasul PENGHARAPAN, kita diundang untuk terus berpaut kuat pada Tuhan, untuk menjangkau dan menyentuh Dia sama seperti kisah wanita di dalam Injil pada hari ini di dalam Markus 5:21-43. Dia mengalami pendarahan selama dua belas tahun. Ramai doktor telah merawatnya namun dia tidak juga sembuh. Dia tidak berputus asa, dia mengekori Yesus di dalam ramai orang yang berkerumun dan berkata, *"Asal kujamah jubahnya, aku akan sembuh."* Dan Injil memetik lagi, *"Pendarahannya segera berhenti."*

Seterusnya lagi, Yesus yang melakukan mukzijat dengan membangkitkan anak perempuan Yairus dari kematian menyakinkan lagi kita bahawa *"Juruselamat kita Yesus Kristus telah mengalahkan maut dan membawa cahaya ke dalam kehidupan melalui Injil."* Dengarkanlah Dia sepertimana dia berkata kepada Yairus, *"Jangan takut, percayalah."* †

Perkataan
mingguan

Sebagai rasul PENGHARAPAN,
kita diundang untuk terus
berpaut kuat pada Tuhan.



GEREJA VISITATION

85-A, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban
 Tel : 06-7624468 / 7634934 / 7677542 Fax : 06-7677544
 Emel : serembanvisitation@gmail.com
 Laman Web : www.visitationseremban.org
 Paderi Paroki : Rev. Fr. George Harrison
 Pembantu Paderi Paroki : Fr. Xavier Andrew

PEMURIDAN : MENJADI MURID HARAPAN. Harapan: Aku Menjadi Segalanya Dalam Kristus (Julai) 2018 *Ke Arah 170 tahun Paroki Visitation* **(1848 - 2018)**

WAKTU PEJABAT PAROKI
 Isnin - Jumaat
 8.30pg - 5.30ptg
 Sabtu : 8.30pg - 7.30 ptg
 Ahad: 8.30pg - 3.00 ptg
 Pengakuan di dalam Gereja
 ½ jam sebelum semua Misa
 mengikut kesediaan paderi.



PROGRAM MINGGU INI 30 JUN – 08 JULAI 2018

HARI MINGGU BIASA KE-13 : Keb 1, 13-15, 2,23-24 Mzm 29, 2 dan 4, 5-6, 11-12a dan 13b, 2 Kor 8, 7, 9, 13-15 Mrk 5, 21-43
"Tuhan telah membebaskan, dan menyelamatkan daku." (Mzm 29)

Sab	30	5.00 ptg 6.00 ptg	Rosari / Novena / Benediction Misa Kudus (E) (Animasi : St. Fabian)	Bible Knowledge (BK) : 2.30 ptg di Dewan Gereja (U/S) (F. 3,4,5)
Ahad	01	7.00 pg 9.00 pg 11.00 pg 1.00 tgh	Misa Kudus (T) (Animasi : St. Paul) Misa Kudus (E) (Animasi: St. Joseph of C) Misa Kudus (C) Misa Kudus (BM)	RE(T): 8.45-10.15 pg; RE(C): 9- 10.30 pg : RE(E) & (BM) 10.45 -12.12 tgh 2.00 ptg : Youth Council berjumpa dengan Fr. George 5.00 ptg : Misa di Sungai Gadut Kongsi
Is	02	6.45 pg	Misa Kudus Karismatik (E) 7.30 ptg di Dewan Gereja. Semua adalah dijemput.	
Sel	03	6.45 pg	Misa Kudus Karismatik (M) 7.30 ptg di Dewan Gereja. Semua adalah dijemput.	
Rab	04	6.45 pg	Misa Kudus	
Kha	05	6.45 pg	Misa Kudus 7.30 ptg : Jam Suci diikuti dengan Misa Kudus (T) di Chapel St. Paul the Hermit, Rahang	
Ju	06	Tiada misa pagi	7.30 ptg : Jam Suci diikuti dengan Misa Kudus (E) (1st Friday)	

HARI MINGGU BIASA KE 14 : Yeh 2, 2-5, Mzm 122, 1-2s, 2bcd, 3-4 2 Kor 12, 7-10 Mrk 6, 1-6
"Our Eyes Are The Lord, Till He Show Us His Mercy." (Psalm 122)

Sab	07	5.00 ptg 6.00 ptg	Rosari / Novena / Benediction Misa Kudus (E) (Animasi : St. Ambrose)	Bible Knowledge (BK) : 2.30 ptg di Dewan Gereja (U/S) (F. 3,4,5) BIBLE SUNDAY
Ahad Julai	08	7.00 pg 9.00 pg 11.00 pg 1.00 ptg	Misa Kudus (T) (Animasi :) Misa Kudus (E) (Animasi : Belia.) Misa Kudus (C) 4.30 ptg : Titi (M) Misa Kudus (BM)	RE(T): 8.45-10.15 pg; RE(C): 9- 10.30 pg : RE(E) & (BM) 10.45 -12.15 tgh BIBLE SUNDAY

Kami mengalu-alukan ahli paroki baharu/pelajar dari Univesiti / kolej di sekitar Seremban. Sila mendaftar di pejabat paroki atau emel di : serembanvisitation@gmail.com. Anda akan menerima Kad Doa (Maanificat). Berdoalah setian hari.

BERITA / ACARA BAGI JULAI 2018

- i) **Pungutan Mingguan Paroki** :
 23/24 Jun 2018 : RM18,004.40 (Tabung Harapan)
Tuhan memberkati semua penderma
- ii) Pungutan minggu ini 30 Jun/ 01 Julai adalah untuk **Peter's Pence**. Pungutan kedua untuk *Min. of Social Concern* akan dijalankan pada minggu hadapan.
Tuhan memberkati semua penderma

- Berdoa untuk mereka yang telah meninggal dunia:**
 a) Vincent a/l Savarimuthu (d.o.d : 11/06/18)
 b) Swaminathan a/l Selvam (d.o.d : 25/6/18)
Semoga cahaya terang bersinar atas mereka

•Bercadang untuk berkahwin? Pertama, isikan butiran peribadi anda di pejabat paroki dan berjumpa dengan paderi parok (sekurang-kurangnya 1 tahun sebelum perkahwinan). Jangan membuat persediaan pada saat akhir.

- * **VSPF - Dinner & Dance (25th August (Sat))**
 Tiket kini boleh diperolehi. Hubungi : Mariadass (06-7612777) atau Margie (018-3950546)
 > **Kelas RCIA 2018 / 2019** akan bermula pada **8 Julai**. Sila war-warkan kepada mereka yang berminat mengikuti Kristus!
 Sila galakkan mereka yang berminat.

Pengumuman Perkahwinan :
 a) Kunasilan & Elizabeth Premeela pd 30/6/18 @ 11.00 pg
 b) Jayakummar & Debra Dhachaiyanni pd 7/7/18 @ 11.00 pg

Terima kasih untuk animasi Misa : BEC St Fabian & St. Joseph of Cupertino (Sikamat) untuk minggu ini.

- > Umat mengucapkan selamat maju jaya kepada **Fr. Andrew Kooi** tempat baharu iaitu Kajang & mengalu-alukan **Fr. Xavier Andrew** sebagai Pembantu Paderi yang baharu.
- > **Buku Cornerstone "Coffee Table"** Ulang tahun ke-170. Buku tersebut kini boleh diperolehi. Sejarah 170 tahun kita ada dalam buku ini. Kita patut berbangga mempunyai buku tersebut. Dapatkan senaskah atau lebih dan kongsi sejarah tersebut atau berikan sebagai hadiah kepada keluarga dan rakan-rakan anda. Dapatkan naskah anda **SEKARANG** selepas semua misa di 3 lokasi di luar gereja. RM40/senaskah. Ingin menyumbangkan senaskah kepada PADERI? Pilih paderi daripada senarai dan tinggalkan pesanan padanya. Sila berjumpa dengan sukarelawan di lokasi penjualan buku.
- > Kita mempunyai seramai **80 calon penguatan** pada tahun ini yang akan menerima penguatan pada 21/07/2018 pada Misa 6.00 ptg. Para calon akan berjumpa dengan paderi pada 29-30 Jun (Mand/Tamil/BM) dan pada 14/7/18 (English). **Raptai** pada 8/7/18 (Ahad) @ 2.00 ptg
Pengakuan pada 13/7/18 (Jumaat) @ 8.00 ptg. Wajib bagi semua calon.
- > **Bible Sunday - 8 Julai 2018** : Mari renungkan
 - a) Siapakan orang dewasa, mentor dan hero dalam hidup anda yang memperlihatkan kepada anda keindahan iman dan firman?
 - b) Apakah keperluan utama bagi orang muda dalam perjalanan iman?
- > Mari bersama-sama meluangkan masa bersama dalam **perjumpaan bulanan KED**. "Saya menjadi Segala-galanya dalam Kristus". Kita membaca Alkitab, Merenung, Hidup & menjangkau mereka yang terpinggir.
- > **Hymns, Hospitality & Homily** — Makanan bagi Jiwa & Misi di dalam Paroki pada hari ini! Mari berdoa & membuat yang terbaik untuk komuniti paroki.
- > **Evening for Couples** adalah Program Pengayaan sehari bagi semua pasangan berkahwin. Tarikh : 21 Julai (Sab) @ 830 pg - 600 ptg. Untuk pendaftaran sila hubungi *Visitation Family Life Ministry* - Jerry (016-3205140) atau Julie (016-3580702). Penceramah adalah daripada AFLC, K.L.
- **MCCD 2018** - Semua paderi akan berada di Majodi, JB pada 16hb (Isnin) - 20hb (Jumaat) Julai 2018 untuk perhimpunan para paderi. Untuk keperluan pengebumian, servis akan dijalankan oleh *lay Leader*.
- **Parish Pastoral Council** : 12/7/18 (Khamis) @ 8.00 ptg di bilik mesyuarat Hse Paroki.
- **Parish Finance Committee** : 21/7/18 (Sab) @ 11.00 pg di bilik mesyuarat Hse Paroki.